

**Pendidikan, Instrumen Paling Berkesan Lahirkan Rakyat Mampu Hadapi Cabaran -
Muhyiddin
Bernama
03 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata pendidikan merupakan instrumen paling berkesan bagi mencapai matlamat melahirkan rakyat yang mampu menghadapi cabaran masa kini dan masa hadapan serta pemimpin yang mampu membuat keputusan terbaik demi kesejahteraan.

Beliau berkata pendidikan hari ini perlu mampu menyediakan generasi masa hadapan dengan kemahiran yang tinggi serta menghargai kehidupan yang aman, harmoni dan berkualiti.

Malah dengan peningkatan pelbagai konflik di seluruh dunia pada masa kini, pendidikan untuk pembangunan lestari bukan lagi merupakan satu pilihan, malah ianya menjadi keutamaan, katanya semasa merasmikan sambutan Hari Pertubuhan Pendidikan Sainifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) Malaysia 2012 di sini Sabtu.

Turut hadir Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Rais Yatim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Timbalan Menteri Pelajaran Datuk Dr Wee Ka Siong dan wakil Unesco Dr Hubert J.Gijzen, yang juga pengarah pejabat Unesco di Jakarta, Indonesia.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk menyediakan landasan terbaik bagi rakyat menikmati kehidupan yang lestari di masa hadapan.

Katanya walaupun Malaysia berada di landasan yang betul dalam mencapai matlamat Pendidikan Untuk Semua (EFA) menjelang 2015, namun sistem pendidikan negara perlu bergerak seiring dengan aspirasi negara serta mampu bersaing dengan negara-negara lain yang sentiasa melakukan penambahbaikan terhadap sistem pendidikan mereka.

"Bagi menghadapi cabaran dalam persekitaran persaingan global di abad ke-21 ini, Malaysia telah megambil langkah mengkaji semula sistem pendidikan negara mulai Oktober 2011 dan

menyediakan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Negara 2013-2025, yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 11 September 2012," katanya.

Beliau berkata penyediaan laporan itu merupakan satu usaha yang menyeluruh, melalui pelbagai pendekatan, serta melibatkan kerjasama pelbagai lapisan rakyat Malaysia.

"Ini termasuklah mendapatkan pandangan daripada panel penilai bebas dari dalam dan luar negara, serta mendapatkan perkhidmatan pakar-pakar pendidikan dari Unesco untuk membantu dalam menjalankan kajian dan semakan semula ke atas sistem pendidikan negara," katanya.

Beliau berkata pelan itu yang menyediakan kerangka transformasi pendidikan secara menyeluruh dijangka mampu memacu pendidikan negara ke arah pendidikan yang berkualiti dan bertaraf antarabangsa.

Mengenai keanggotaan Malaysia dalam UNESCO, Timbalan Perdana Menteri berkata pada masa ini Malaysia menduduki kerusi Biro Pendidikan Antarabangsa (IBE), Suruhanjaya Oseonografi Antarabangsa dan buat julung kalinya terpilih menganggotai Jawatankuasa Warisan Dunia bagi tempoh 2012-2015.

"WHC merupakan salah satu jawatankuasa berprestij di bawah Unesco, yang bertanggungjawab sebagai sebuah badan penilai dalam meluluskan pencalonan tapak warisan dunia," katanya.

Beliau percaya dengan pemilihan ini, Malaysia akan menjadi peneraju terhadap usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar dan warisan budaya, khususnya dalam kalangan negara serantau.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=706814>